

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.03.2018

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat bulan Mac, 2018 berapakah jumlah sebenar hutang negara, hutang yang dijamin oleh Kerajaan dan "contingent" liabiliti Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kedudukan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Disember 2017 adalah sebanyak RM686.8 bilion atau 50.8%, kekal di bawah paras 55% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah berkenaan, 96.9% atau RM665.6 bilion adalah hutang domestik (49.2% daripada KDNK). Sementara itu, baki 3.1%

daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan atau RM21.2 bilion (1.6% daripada KDNK) merupakan pinjaman luar pesisir.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah jaminan yang telah diberikan oleh Kerajaan sehingga September 2017 adalah sebanyak RM226.9 bilion atau 16.8% daripada KDNK. Jaminan tersebut diberikan terutamanya kepada entiti awam yang melaksanakan projek infrastruktur dan sosial seperti DanaInfra, Prasarana dan PTPTN yang terlibat dalam pembinaan infrastruktur seperti MRT, LRT dan penyediaan pinjaman pelajaran untuk pendidikan di peringkat tinggi. Jaminan ini diberikan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965.